



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BH | | | |
| TARIKH | : | 25/8/2021 (RABU) | MUKA SURAT | : | 22 |
| JABATAN | : | JMG | | | |

Sidang DUN Pahang

BH, 25 Ogos
2021_22

Tiada pajakan lombong Lanthanide di Jelai

Kuantan: Kerajaan Pahang tidak mengeluarkan pajakan melombong (ML) bagi perlombongan nadir bumi Lanthanide di Jelai, Lipis yang dikatakan meliputi kawasan hutan dan penempatan Orang Asli, kata Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Sehubungan itu, beliau berkata dakwaan yang tular di media sosial kononnya kerajaan negeri meluluskan projek perlombongan itu adalah tidak benar dan tidak seharusnya berlaku kerana mengelirukan rakyat sedangkan prosedur permohonan masih belum dipenuhi.

“Permohonan baharu akan diproses oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan akan ada laporan awal teknikal. Ada dua perkara mesti dipatuhi iaitu Kajian

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Skim Pengendalian Melombong (OMS) sebelum ML boleh diluluskan.

“Tanpa dua perkara ini, mereka tidak boleh beroperasi. Masih ada prosedur seterusnya yang perlu dipatuhi, tapi rakan di sebelah sana (pembangkang) tunjuk seperti projek ini sudah diluluskan,” katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Young Syefura Oth-

man (DAP-Ketari) berhubung jumlah lesen perlombongan dikeluarkan di Tasik Chini, Pekan Wan Rosdy menegaskan semua permohonan dan keputusan dibuat berpandukan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.



Wan Rosdy Wan Ismail